

## Cinta Sufi dan Dakwah Ramlee Awang Mursyid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca

HALIMAH MOHAMED ALI

### ABSTRAK

Esei ini adalah suatu bacaan ke atas novel Ramlee Awang Mursyid *Cinta Sufi* yang diterbitkan pada 2010. Ia adalah analisis bagaimana penulis berdakwah melalui sastera dan mempengaruhi peminatnya dengan hasil karya yang ditulis oleh beliau. *Cinta Sufi* dipilih khususnya kerana terdapat unsur-unsur dakwah yang ketara dan jelas didalamnya. Dakwah secara amnya ialah suatu perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana individu untuk menyebarkan ilmu agama. Esei ini membincangkan bagaimana dakwah itu disampaikan. Tidak ketinggalan kesan dakwah melalui teks ini ke atas para pembaca juga dinilai dalam analisis ini. Esei ini menyimpulkan bahawa dakwah Ramlee Awang Mursyid melalui tulisannya membawa kesan yang positif ke atas pembaca-pembaca beliau.

Kata kunci: Ramlee Awang Mursyid, *Cinta Sufi*, dakwah, agama, pembaca

### ABSTRACT

This essay is a reading of Ramlee Awang Mursyid's novel *Cinta Sufi* published in 2010. It is an analysis of how the writer preaches religion through literature and influences his readers through his works. *Cinta Sufi* has been chosen especially because there are preaching elements that are present in it. Preaching generally is an act that is done by individuals to disseminate religious knowledge. This essay discusses how the preaching is conducted. Also not to be left out the effect of preaching on the readers will also be appraised in this analysis. This essay concludes that Ramlee Awang Mursyid's preaching through his writings brings about a positive effect on his readers.

Key words: Ramlee Awang Mursyid, *Cinta Sufi*, preaching, religion, readers

“Dalam karya saya juga ada dakwah. Ada mengajar pembaca saya.”  
(Ramlee Awang Mursyid)

### PENGENALAN

Dakwah dapat ditakrifkan sebagai satu perbuatan dalam menyebarkan ilmu agama. Selain itu, dakwah juga mempunyai definisi lain seperti,

Dakwah pada masa kini boleh diterjemahkan sebagai usaha memperkenalkan Islam kepada umat manusia, agar mereka dengan jelas memahaminya dan dapat memberi respons yang positif tanpa ada kecurigaan dan keraguan.

(Muhammad Yusuf Khalid et al. 2002: 1)

Definisi dakwah yang dinyatakan ini adalah berdasarkan keadaan masa kini yang bertujuan memperkenalkan ajaran Islam agar manusia tidak lagi mempunyai rasa kecurigaan mahupun keraguan terhadap ajaran ini. Aktiviti dakwah sebenarnya telah pun muncul sejak zaman para nabi. Buktinya,

Aktiviti dakwah telah bermula sejak zaman Nabi lagi terutamanya pada zaman Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w.

(Muhammad Yusuf Khalid et al. 2002: 41)

Hal ini membuktikan bahawa dakwah bukanlah fenomena yang baru, malah aktiviti ini telah lama berakar sejak zaman kemunculan Islam di tanah Arab. Menurut Muhammad Yusof Khalid et al. (2002: 42) Muhammad Abu al-Fath al Bayanuni mendefinisikan dakwah seperti berikut,

- Menyampaikan dan menjelaskan apa yang dibawa oleh Islam.
- Ilmu dan pengajaran.
- Mendorong manusia ke arah kebaikan dan hidayah serta melakukan amar makruf dan nahi mungkar supaya berjaya di dunia dan di akhirat.

Definisi yang dibawa oleh Muhammad Abu al-Fath al Bayanuni ini memperlihatkan bahawa aktiviti dakwah dapat membantu umat manusia mendekati diri kepada Penciptanya. Pendekatan dakwah ini juga digunakan oleh Ramlee di dalam karyanya, *Cinta Sufi* (2010), dengan menyampaikan ilmu dan pengajaran menerusi penulisan beliau.

*Cinta Sufi* tajuk yang dipilih oleh Ramlee untuk karya beliau ini mengetengahkan isu-isu kesufian. Oleh itu mari kita lihat apa yang

dimaksudkan dengan sufi. H. Aboebakar Atjeh (1977: 3) menyatakan bahawa Dr. Zaki Mubarak mendefinisikan sufi sebagai:

Di antaranya ia berkata, bahawa perkataan itu mungkin berasal dari Ibn Sauf, yang sudah dikenal sebelum Islam sebagai gelar dari seorang anak Arab yang salih yang selalu mengasingkan diri dekat Kaabah guna mendekati Tuhannya bernama Ghaus bin Murr, mungkin berasal dari perkataan “Sufah” yang dipergunakan untuk nama surat ijazah orang naik haji, mungkin juga berasal dari kata kerja “safa” yang bererti bersih dan suci, mungkin berasal dari “sophia”, perkataan Yunani yang bererti hikmah atau filsafat, mungkin berasal dari “Suffah”, nama suatu ruang dekat Masjid Madinah tempat Nabi Muhammad memberikan pengajarannya kepada sahabat-sahabatnya, seperti Abu Zar dan lain-lain, dan mungkin pula dari “suf” yang bererti bulu kambing, yang biasanya menjadi bahan pakaian orang-orang Sufi yang berasal dari Syria.

Orang-orang sufi juga golongan yang mementingkan kebatinan. Perkara ini dibuktikan melalui petikan berikut,

... akhirnya ia menjadi nama bagi golongan yang mementingkan kebersihan hidup batin, baik bagi orang-orangnya yang dinamakan orang-orang “Sufi”, mahupun bagi nama ilmunya yang disebut “Tasawuf”.

(H. Aboebakar Atjeh 1977: 5)

Menurut petikan orang-orang sufi sangat mementingkan kebersihan hidup batin. Ilmu bagi ahli sufi ialah tasawuf. Tasawuf dapat diertikan sebagai,

Pada hakikatnya tasawuf itu dapat kita ertikan mencari jalan untuk memperoleh kecintaan dan kesempurnaan rohani. Orang-orang Sufi yang ternama pada mulanya juga mengagumi pandangan-pandangan yang lahir, yang dapat diraba dan dirasakan dengan pancaindera, tetapi lama-kelamaan kepuasan merasakan yang lahir itu beransur susut, maka hilanglah keindahan dunia yang dapat dirasakan itu dan mereka beralih ke dalam dunia rohani, dunia yang tidak dapat diraba dengan pancaindera tetapi dirasa dengan kelazatan perasaan yang halus, dunia yang ghaib, berpadu dengan erti cinta dan kesempurnaan.

(H. Aboebakar Atjeh 1977: 6)

Salah satu ciri khas utama sufi ialah cintakan Tuhan. Petikan berikut menerangkan mengenai ciri khas tersebut,

Sebagai asumsi dasar, Sufisme mengajarkan bahawa Realitas tidak dapat diketahui oleh metode-metode logis atau rasional. Tuhan harus didekati melalui cinta, dan hanya melalui keagungan dan rahmat Ilahi intimasi bersamanya bisa tercapai.

(Javad Nurbakhsh 2002: 3)

Cinta Tuhan dapat mendekatkan lagi hamba dengan Penciptanya. Ciri ini dimiliki oleh para sufi, yang tidak mementingkan hal-hal duniawi. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa cinta sufi adalah cinta para ahli sufi kepada Penciptanya, iaitu Allah S.W.T.

Istilah cinta sufi ini digunakan oleh Ramlee Awang Murshid sebagai tajuk novel beliau, yang juga merujuk kepada watak utama. Watak utama yang dimaksudkan ialah Laksamana Sunan (Saifuddin). Hal ini kerana, watak Laksamana Sunan ini mempunyai kriteria sebagai seorang sufi. Dengan kata lain, Ramlee telah menerapkan kriteria sufi di dalam watak Laksamana Sunan dengan menampilkan wataknya yang senantiasa cinta kepada Penciptanya, iaitu Allah S.W.T. Di samping menampilkan watak sufi, Ramlee juga turut menyampaikan dakwah melalui penulisannya. Tujuannya adalah seiring dengan maksud dakwah yang menyeru serta meyakinkan umat manusia yang terdiri daripada para pembaca novelnya terhadap ajaran Islam. Terdapat mesej-mesej moral yang disampaikan di dalam karya yang dihasilkan beliau. Penerangan seterusnya akan menganalisis dakwah yang dilakukan penulis, iaitu Ramlee Awang Murshid melalui karyanya yang turut mempengaruhi peminatnya.

## SINOPSIS

Permulaan kisah trilogi ini dimulakan watak Catalina, seorang wanita golongan bangsawan yang sering kali bermimpi bertemu Maryam yang menyuruh beliau belayar ke Melaka bagi menemui lelaki bertanduk dua<sup>1</sup>, iaitu Laksamana Sunan<sup>2</sup>. Apabila Catalina menemui Laksamana Sunan di Melaka sebaik sahaja negeri itu jatuh ketangan Portugis kudrat beliau telah lenyap dan dia menjadi orang tawanan Catalina. Laksamana Sunan yang hampir dibunuh musuh, kemudiannya diselamatkan oleh Luna daripada bangsa Polip. Ketika di Hulu Melaka, berlaku pertempuran antara Laksamana Sunan, Hang Tuah, Hang Lekiu dan sahabat-sahabat Laksamana Sunan yang lain dengan orang-orang Portugis yang bersekongkol dengan syaitan, iaitu makhluk bayangan serta Taghut dan Puteri Kober Gandring. Pengakhiran pertempuran, Laksamana

Sunan telah ditembak oleh Kapten Leandro. Laksamana Sunan dibawa oleh Hang Tuah masuk ke dalam tasik di Hulu Melaka dengan bantuan dua ekor naga. Manakala dalam latar masa abad ke-21, Catatan Maryam dan Keris Nanggroe telah dicuri oleh Elizabeth di Lisbon, Portugal. Seorang jutawan, Abid Kamal dan pembantunya, Shahril cuba menjejaki kedua-dua khazanah tersebut.

## CINTA SUFI DAN DAKWAH

*Cinta Sufi* merujuk kepada cinta kepada Allah S.W.T. Tajuk ini juga merujuk kepada watak Laksamana Sunan yang terdapat di dalam karya Ramlee Awang Murshid ini. Buktinya,

“Cinta Sufi... sungguh luar biasa,” kata Luna merujuk kepada Saifudin.  
(Ramlee Awang Murshid 2010: 416)

Pernyataan watak Luna mengukuhkan lagi bahawa “Cinta Sufi” menggambarkan watak Saifudin yang sentiasa cinta terhadap Tuhannya, iaitu Allah S.W.T. Watak Laksamana Sunan yang cinta kepada Tuhan adalah sama dengan ciri khas sufi yang telah disebutkan dalam perenggan sebelumnya. Tambahan lagi, watak Laksamana Sunan turut mempunyai naluri sufi. Hal ini dapat dilihat daripada petikan berikut,

Dan seperti malam tadi sewaktu mengerjakan solat maghrib dan isyak, Thariq sekali lagi meminta dia menjadi imam kepada jemaah yang bukan berbangsa manusia itu. Saifudin menyanggupinya, namun tergetar pada naluri sufinya sesuatu yang bersifat keliru telah melanda seluruh bangsa Polip.  
(Ramlee Awang Murshid 2010: 223)

Naluri sufi yang dimiliki oleh Laksamana Sunan ini adalah kelebihan yang tidak terdapat dalam diri manusia yang lain. Naluri ini hanya terdapat dalam diri ahli sufi. Maka, dapatlah dinyatakan bahawa Laksamana Sunan adalah seorang sufi yang digambarkan oleh Ramlee.

Watak Laksamana Sunan digambarkan sebagai seorang manusia yang sangat merindui mati syahid. Buktinya,

“Ya ALLAH... aku hamba-MU sangat merindui mati syahid. Kembalikan kudratku agar aku mampu berjuang di jalan-MU ya RABB. ILAHI... ya RABBI... Subhanallah. TUHAN... TUHANku... Maha Suci, ya ALLAH.” Saifudin terus menggumamkan doa itu.  
(Ramlee Awang Murshid 2010: 111)

Sebagai seorang sufi, Laksamana Sunan digambarkan oleh Ramlee sebagai seorang yang sangat merindukan mati syahid. Perihal mati syahid juga ada disebutkan di dalam al-Quran,

Dan jangan sekali-kali kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; sebenarnya mereka itu hidup, di sisi Tuhannya mendapat rezeki (Hidup dalam alam yang lain yang bukan alam kita ini. Mereka mendapatkan berbagai-bagai kenikmatan di sisi Allah. Dan hanya Allah sahaja yang mengetahui bagaimana keadaan hidup di alam lain itu).

(Surah Ali ‘Imran: ayat 169)

Dengan mati syahid, para sufi dapat mendekatkan diri kepada Penciptanya. Hal ini memperlihatkan adanya cinta Tuhan dalam kalangan para sufi yang menginginkan mati syahid, termasuk juga watak Laksamana Sunan.

Watak Laksamana Sunan juga turut mempengaruhi watak-watak lain di dalam *Cinta Sufi*. Contoh yang paling ketara ialah watak Catalina yang akhirnya memilih Islam dan menukar namanya kepada Maryam. Watak Catalina adalah seorang wanita bangsawan Portugal yang datang ke Hulu Melaka bagi menemui “lelaki bertanduk dua” [merujuk kepada Laksamana Sunan yang mempunyai urat-urat di dahi yang membentuk seperti dua tanduk kecil (Ramlee Awang Murshid 2010: 64)] yang dinyatakan oleh Maryam dalam mimpinya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut,

“Andai begitu... belayarlah kamu ke Melaka. Di sana, kamu akan menemui seorang lelaki bertanduk dua. Bawalah lelaki itu ke Melaka. Di sana, hamba akan menunggumu untuk memperlihatkan wajah hamba kepadamu wahai Catalina.” Maryam menyarankan.  
(Ramlee Awang Murshid 2010: 11-12)

Maryam adalah wanita yang berjumpa dengan Catalina di dalam mimpinya. Catalina tidak sedar bahawa Maryam tersebut merupakan dirinya pada masa hadapan. Beliau juga tidak tahu bahawa dirinya akan berubah dan menjadi Maryam yang dijumpai di dalam mimpinya itu. Tujuan Catalina ke Hulu Melaka adalah untuk bertemu dengan lelaki bertanduk dua, iaitu lelaki yang akan membantunya mencari Maryam yang sering kali ditemui dalam mimpinya. Maryam adalah masa hadapan Catalina, iaitu Catalina yang telah memeluk Islam dan menukar namanya kepada Maryam. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata Maryam,

Catalina... aku adalah masa hadapan. Suara Maryam terngiang-ngiang di fikiran. Bagaimanapun Catalina enggan peduli lagi. Maryam yang ditemui masih kecil dan tidak mengerti apa-apa.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 430)

Petikan berikut menyatakan Catalina yang masih lagi tidak mempercayai suara Maryam yang terngiang-ngiang di fikirannya. Catalina masih lagi keliru dengan watak Maryam yang masih kecil yang dijumpainya di Hulu Melaka tersebut.

Catalina juga seorang yang berpegang kepada kepercayaan Kristian. Namun, beliau dengan mudah mengikuti suruhan Laksamana Sunan atau dikenali sebagai lelaki bertanduk dua yang berpegang kepada Islam. Hal ini menunjukkan beliau mempercayai dan menyenangi Laksamana Sunan. Berikut adalah suruhan Laksamana Sunan terhadap Catalina selepas tidak dapat bertemu Maryam,

“Kalau begitu... tanamkan dalam hatimu tiga perkataan ini. ALLAH bersamaku... ALLAH perhatikan aku dan ALLAH melindungi aku.” Saifudin menyarankan menerusi ilmu yang diketahui. “Baiklah.” Air mata Catalina tumpah lagi. “Jangan terpaksa, Catalina. Itu bukan ikhlas namanya,” kata Saifudin.

“Aku akan cuba menjadikan ia seikhlasnya.” Wajah Catalina tertunduk.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 430)

Pada ketika ini, Catalina mengalami kekecewaan disebabkan oleh kegagalan dirinya bertemu dengan Maryam yang muncul di dalam mimpinya. Maka, Laksamana Sunan membantu menenangkan Catalina dengan mengucapkan tiga perkataan yang diketahui oleh Laksamana Sunan. Tiga perkataan tersebut membawa maksud bahawa hanya kepada Allah sahaja tempat bergantung. Perkataan-perkataan ini juga diamalkan oleh Catalina walaupun beliau tidak memahami maksudnya seperti Laksamana Sunan memahaminya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut,

“ALLAH bersama aku... ALLAH perhatikan aku... ALLAH melindungi aku,” bisik Catalina. Dia merasakan jasadnya mendapat roh baru. Catalina mulai tertarik dengan semangat tulen yang ditunjukkan para pejuang itu khususnya Saifudin. Mereka sangat mentaati TUHAN. Berperang atas nama TUHAN. Menyambut kemenangan dengan melaungkan nama TUHAN. Bahkan tidak takut mati apabila berada pada jalan TUHAN.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 443)

Walaupun berpegang kepada ajaran Kristian, namun Catalina tetap menyebut tiga perkataan yang diajari oleh Laksamana Sunan. Perkataan-perkataan tersebut sering kali diucapkan oleh Catalina sehingga menjadi satu kebiasaan pada dirinya. Buktinya apabila Saifudin berada di dalam kesusahan, Catalina tidak memohon kepada Tuhannya. Sebaliknya, beliau memohon kepada Tuhan yang dipercayai oleh Laksamana Sunan. Perkara ini dapat dilihat daripada petikan berikut,

“Ya ALLAH... aku bersamamu... ALLAH perhatikan aku... ALLAH lindungilah aku. aku pohon kepada-MU, selamatkan Saifudin. Dia orang yang baik. Tolonglah...” Catalina berdoa meminta pada TUHAN yang dipuja-puja Saifudin selama ini. Namun, doa itu dilafazkan dengan ikhlas. Bukan ALLAH menurut kepercayaannya, tetapi ALLAH yang diyakini Laksamana Sunan.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 466)

Berdasarkan petikan ini, Ramlee sebagai pengarang telah memaparkan watak Laksamana Sunan yang kuat berpegang kepada agamanya hingga dapat membantu seorang wanita Kristian untuk memeluk Islam.

Pada penghujung penceritaan *Cinta Sufi*, watak Catalina bertemu lagi Maryam yang dicarinya di dalam mimpi. Pada ketika itulah Catalina mengetahui apa yang sentiasa disebutkannya, iaitu “ALLAH bersama aku, ALLAH perhatikan aku, dan ALLAHindungi aku” merujuk kepada keimanan dan ketakwaan:

“Bukankah kau telah meyakini... ALLAH bersamaku... ALLAH perhatikan aku... ALLAH melindungi aku. Itulah iman dan takwa. Lama-kelamaan... kemanisannya akan kau rasai, manisnya mengalahkan madu.” Maryam menyentuh wajah Catalina dengan penuh kasih sayang. “Itu pengajaran yang Saifudin berikan. Itu kata-kata sakti.” Riak wajah Catalina yang murung perlahan-lahan menjadi tenang. Seolah-olah dipancari satu cahaya suci dari langit. “Kau adalah...” Catalina mulai mengerti meskipun pertuturannya tidak dinoktah.

“Benar.” Maryam membuka hijab wajahnya. “Subhanallah.” Tidak semena-mena Catalina lancar mengucapkan kalimah itu.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 475)

Maryam menjelaskan kepada Catalina maksud perkataan yang sentiasa disebutkan olehnya. Dalam pada itu, Maryam turut membuka hijab yang menutupi wajahnya bagi memperlihatkan kepada Catalina rupa sebenar Maryam. Pada masa itu



juga, Catalina mengetahui bahawa Maryam adalah dirinya yang telah memeluk Islam. Hal ini juga telah menggerakkan hati Catalina untuk memeluk Islam dengan dibantu oleh Maryam. Perkara tersebut dapat dilihat dalam petikan,

“Ucapkanlah- tiada TUHAN selain ALLAH dan Nabi Muhammad itu utusan ALLAH.”Tiada TUHAN selain ALLAH dan Nabi Muhammad itu utusan ALLAH.” Catalina akhirnya melafazkan syahadat. “Kau ikhlas menerima Islam sebagai agamamu?”“Ya... aku ikhlas,” jawab Catalina. Air matanya tumpah jua akhirnya.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 476)

Kejadian ini berlaku ketika Catalina berada di alam bawah sadar, iaitu mimpi. Maryam telah membantu Catalina mengucap kalimah syahadah. Namun, ketika Catalina sedar beliau sendiri telah membulatkan tekad untuk memeluk agama Islam. Buktinya,

“Aku hendak menjadi seorang Muslimah.” Catalina membuat pengakuan yang ikhlas. “Subhanallah.” Hampir serentak Hang Lekiu dan Panglima Awang Bagan bersuara. Mereka benar-benar terperanjat. Sedang kedua-dua pejuang Melayu itu tidak pernah mempengaruhi apatah lagi memaksa balu bangsawan itu menjadi seorang Muslimah.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 478)

Pejuang-pejuang Melayu yang dimaksudkan di dalam petikan merujuk kepada Hang Lekiu dan Panglima Awang Bagan. Pada waktu ini, Catalina telah mengambil keputusan untuk memilih Islam dan menukar namanya kepada Maryam tanpa paksaan daripada sesiapa termasuk Saifudin. Hal ini kerana Saifudin yang mengalami luka parah telah dibawa oleh Hang Tuah ke tempatnya untuk berubat. Walaupun Saifudin tiada di sisi Catalina pada ketika itu, namun Catalina tetap memilih Islam dengan ikhlas. Rasulullah s.a.w. juga turut menyatakan berkenaan ikhlas,

Rasulullah Sallallahu'alaihiwasallam, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Abu Daud dan An-Nasa-i, menjelaskan (yang bermaksud): “Sesungguhnya Allah Azzawajalla tidak akan menerima sesuatu amalan melainkan ikhlas kepada-Nya, dan ditujukan hanya untuk-Nya”

(<http://theyellowsunflower.blogspot.com/2010/06/tentang-ikhlas.html>)

Ikhlas menurut Islam dapat dinyatakan sebagai ikhlas menerima Islam tanpa dipengaruhi ataupun

disebabkan oleh faktor lain selain Allah. Sesuatu amalan yang tidak diiringi keikhlasan tidak akan diterima Allah. Dalam hal ini, Catalina telah memilih Islam tanpa dipengaruhi oleh Laksamana Sunan tetapi dengan keikhlasan hatinya sendiri.

Di dalam *Cinta Sufi* juga diperlihatkan watak Laksamana Sunan yang mampu mempengaruhi watak-watak para hulubalang yang sama-sama berperang menentang Feringgi dan dunia kegelapan. Laksamana Sunan berjaya membantu menenangkan para hulubalang tersebut dengan bersandarkan kepada surah al-Quran. Hal ini dapat dilihat melalui petikan,

“Hamba... berasa gementar.” Pengakuan paling jujur. “Bukankah tuan hamba pernah berperang melawan Feringgi di Melaka?” “Hamba pun berasa berdebar-debar tuan hamba Laksamana Sunan.” Seorang lagi hulubalang Melaka bersuara.

“Mahukah kalian mendengar kalimah sakti?” tanya Saifudin. Para hulubalang mengangguk dan mengatakan ‘ya’. Sebahagian kecil penduduk kampung turut tertarik hendak mendengarkannya. Hang Tuah dan Hang Lekiu juga memberi perhatian yang tidak berbelah bahagi. Sejurus... Saifudin meletakkan telapak tangan kanan ke dada kiri tepat ke jantung. Mereka yang lain turut melakukannya. Kemudian, Saifudin membacakan surah al-Insyirah yang bermaksud melapangkan...Hati dan jiwa yang gundah secara perlahan-lahan, beransur tenteram, mengembalikan keyakinan diri. Membangunkan semangat juang yang terpuruk sebelum ini.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 427-428)

Berdasarkan petikan ini dapat dilihat kebolehan Laksamana Sunan dalam menenangkan para hulubalang Melaka yang akan berperang. Dengan bersandarkan kepada al-Quran, watak Laksamana Sunan secara jelas memperlihatkan beliau sangat berpegang kepada ajaran Islam. Ia juga menggambarkan betapa al-Quran berkuasa menjadi syifa dan penenang bagi jiwa dan perasaan yang gundah dan gementar.

## PENGARUHNYA TERHADAP PEMINAT

Ramlee menghasilkan karya yang berjudul *Cinta Sufi* dengan menghidangkan kepada khalayaknya penceritaan yang mempunyai pelbagai mesej yang memberi pengajaran. Perkara ini dinyatakan oleh Ramlee di dalam *Sinar Harian*,

Bukan sahaja ia menjadi penamat kepada trilogi yang dihasilkan sebaliknya, pelbagai mesej telah diselitkan dalam novel ini. Misalnya, sebagai hamba Allah, kehidupan kita di muka bumi ini tidak kekal dan sementara sahaja. Jadi, kita tidak boleh bermegah-megah dan perlu ingat kepada amanat-Nya.

“Bukan sekadar minat terhadap trilogi ini sahaja, saya mahu pembaca sedar karya ini sebenarnya sebagai peringatan kepada mereka,” jelasnya.

(<http://www.sinarharian.com.my/hiburan/cabaran-terhebat-ramlee-awang-murshid-1.57316>)

Di dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengarang, Ramlee juga turut melaksanakan tanggungjawabnya sebagai umat Islam dalam menyampaikan amar makruf nahi mungkar (mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran) kepada kelompok khalayaknya.

Dakwah Ramlee di dalam penulisan beliau ini dapat dibuktikan menerusi tindak balas peminat melalui komen-komen di media baru yang berkenaan dengan *Cinta Sufi*. Berikut merupakan komen salah seorang peminat,

Tanpa Nama: Bila masa Sunan dibawa Tuah pergi. Ingatkan inilah endingnya bagi kisah hidup sufi ni. Tapi.. nampaknya RAM masih nak buat kejutan. Alhamdulillah. Allah bagi jalan kepada hambanya untuk berdakwah melalui mitos, impian dan gambaran keindahan Islam.. Harap2 watak Sunan dapat jadi role model for people out there about ISLAM. RAM..cayoo! (<http://www.kelabram.com/2010/03/cinta-sufi.html>)

Komen peminat ini mengakui bahawa Ramlee membawa dakwah di dalam penulisannya serta menjadikan watak Laksamana Sunan sebagai watak untuk beliau sampaikan dakwah. Peminat Ramlee ini juga mengharapkan watak Laksamana Sunan dapat menjadi ‘role model’ kepada masyarakat mengenai Islam. Hal ini memperlihatkan bahawa Ramlee berjaya menyalurkan dakwah menerusi watak Laksamana Sunan sehingga terdapat peminat yang menganggap watak tersebut sebagai contoh teladan dalam Islam.

Komen lain yang dapat dilihat ialah daripada saudara Syamil Samad yang turut memperkatakan berkenaan *Cinta Sufi*,

Syamil Samad: Ceritanya bersifat adventure, islamik, penuh dengan magis, perlukan imaginasi yang tinggi dan keimanan yang teguh kepada rukun Iman yang ke 6. Pelbagai

cabaran, rintangan, onak, dan kejahatan terpaksa dirempuh oleh mereka sepanjang perjalanan ke Hulu Melaka. Antaranya kejahatan Iblis Laknatullah yang terdiri daripada roh manusia yang derhaka pada Sultan, sihir Puteri Kober Gandring dan juga yang paling sukar adalah kedurjanaan Taghut. Semuanya dirempuh oleh Saifudin dengan sifat berserah diri pada Allah dan cintakan Syahid. Sesungguhnya, terlalu banyak pengajaran yang boleh didapati melalui novel ini. Banyak ayat-ayat suci Al-Quran berjaya dinukilkan dengan baik untuk meningkatkan pemahaman pembaca. Unsur dakwah yang diselitkan juga amat manis dan menggambarkan Islam bukanlah agama paksaan dan jauh sekali untuk bersifat terrorist. Sifat Saifudin yang sentiasa bertimbang rasa dalam melakukan apa sahaja amat saya kagumi tanpa mengetepikan syariat Islam yang kekal dipegang utuh.

(<http://www.kelabram.com/2010/06/ulasan-cinta-sufi-oleh-syamil-samad.html>)

Komen yang disampaikan oleh saudara Syamil ini adalah berkenaan penceritaan yang terdapat di dalam karya Ramlee, iaitu *Cinta Sufi*. Daripada komen ini, saudara Syamil menyatakan bahawa Saifudin atau Laksamana Sunan sangat bergantung pada Allah dan cintakan syahid. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan berikut,

“Ya ALLAH... aku hamba-MU sangat merindui mati syahid. Kembalikan kudratku agar aku mampu berjuang di jalan-MU ya RABB. ILAHI ya RABBI... Subhanallah. TUHAN... TUHANKu... Maha Suci, ya ALLAH.” Saifudin terus menggumamkan doa itu. Hanya doa sahaja yang mampu mengubah takdir atas keizinan ILAHI. Doa merupakan senjata paling ampuh orang-orang mukmin.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 111-112)

Berdasarkan petikan, ternyata bahawa watak Laksamana Sunan seorang yang berserah diri kepada Allah melalui doa-doa yang dipohonnya. Laksamana Sunan juga sememangnya sangat cintakan syahid seperti yang telah dinyatakan oleh saudara Syamil Samad.

Pernyataan saudara Syamil Samad bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang dipetik dengan baik dalam meningkatkan pemahaman para pembaca. Salah satu contoh yang dapat dilihat ialah surah al-Insyirah yang dinyatakan di dalam *Cinta Sufi*,

Kemudian, Saifudin membacakan surah al-Insyirah yang bermaksud melapangkan. “Aku

berlindung pada Allah daripada syaitan yang terkutuk. Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Bukankah KAMI telah melapangkan untukmu dadamu, dan KAMI telah hilangkan daripadamu bebanmu yang memberatkan punggungmu, dan KAMI tinggikan bagimu sebutanmu, maka sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, maka apabila kamu telah selesai, kemudian kerja bersungguh-sungguh, dan hanya kepada TUHAN-mu hendaknya kamu berharap.”

(Ramlee Awang Murshid 2010: 427)

Ramlee memasukkan maksud surah al-Insyirah serta kegunaannya agar para pembaca dapat mengetahui fungsi sebenar dan manfaat surah berkenaan dalam kehidupan harian. Secara tidak langsung, perkara ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan para pembaca terhadap surah tersebut. Selain itu, Ramlee juga memasukkan berkenaan solat hajat yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Melayu sebelum menghadapi peperangan. Perkara ini dijelaskan di dalam petikan berikut,

Sementara itu, pejuang-pejuang Melayu mengisi waktu isyak yang panjang ini dengan mendirikan solat hajat berjemaah. Hang Tuah meminta Saifudin menjadi imam memimpin para jemaah. Solat hajat 12 rakaat dikerjakan dengan bersungguh-sungguh. Pada rakaat terakhir sebelum memberi salam setelah tahiyat akhir, para jemaah bersujud dan kembali bertakbir. Dan membaca surah al-Fatihah, ayatul Kursi sebanyak tujuh kali. Kemudian melafazkan- Tiada TUHAN selain ALLAH, Maha Esa ALLAH tiada sekutu bagi-NYA. Kepunyaan-NYAlah segala kerajaan, kekuasaan dan bagi ALLAH sahajalah segala pujian. Dan ALLAH atas segala sesuatu Maha Berkuasa. Kemudian melanjutkan lagi dengan bacaan ini - Wahai ya ALLAH bahawasanya kami memohon akan ENKKAU dengan keteguhan ikatan daripada Arasy-MU dan rahmat dari kitab serta hukum-MU, dan dengan nama-MU yang Agung dan wajah-MU Yang Maha Tinggi dan kalimat-kalimat-MU yang Maha Sempurna, bahawa penuh hajat kami.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 425-426)

Ramlee menghuraikan berkenaan solat hajat yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Melayu yang terdiri daripada Hang Tuah, Hang Lekiu, Panglima Awang Bagan dan para hulubalang Melaka. Huraian yang dibuat Ramlee ini juga meliputi maksud doa yang dibaca ketika solat hajat tersebut dilakukan. Huraian ini juga dapat memberi pengetahuan kepada

para khalayak dan mereka boleh menjadikan bacaan ini sebagai panduan di dalam solat hajat. Ramlee tidak hanya memberi ilmu malah turut memberi pengajaran sekali dan seiring dengan fungsi dakwah yang menyampaikan ilmu dan pengajaran kepada manusia.

Terdapat juga komen peminat yang menyatakan keberkesanan watak Laksamana Sunan yang dicipta oleh Ramlee mampu mengesani mereka. Salah satu contoh komen tersebut ialah,

Mina: Saifudin seorang sufi yang warak, beriman lagi bertakwa berjaya menumpaskan segala kejahatan di muka bumi dengan keizinan Allah S.W.T. Sikap tawakal, sabar dan tawaduk patut dijadikan contoh oleh pembaca sekalian. Saya benar-benar terkesan apabila membaca novel ini terutama sekali watak seorang sufi yang bernama Saifudin.

(<http://jomsewabuku.blogspot.com/2010/05/cinta-sufi-ramli-awang-mursyid.html>)

Komen salah seorang peminat, iaitu saudari Mina menyatakan mengenai perwatakan Laksamana Sunan seorang sufi yang warak, berjaya menumpaskan kejahatan dengan bantuan Allah, mempunyai sikap tawakal, sabar dan tawaduk berjaya mengesani dirinya selaku pembaca novel Ramlee. Ternyata Ramlee berjaya menyalurkan unsur dakwah melalui watak Laksamana Sunan sehingga peminat terkesan dengan perwatakan watak terbabit.

Selain itu, terdapat juga peminat yang menyatakan pandangan mengenai pengarang sendiri, iaitu Ramlee Awang Murshid. Hal ini dapat dilihat melalui petikan,

Haryani\_Yanie: Bagi saya Ramlee Awang Murshid sangat berbakat...dia bukan sahaja pandai menggarap cerita, tetapi juga mampu berdakwah dalam masa yang sama....

(<http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/>)

Saudari Haryani menyatakan bahawa Ramlee Awang Murshid seorang yang berbakat kerana mampu berdakwah sambil mengarang. Perkara ini menjelaskan bahawa Ramlee berjaya menyampaikan dakwah sehingga peminat dapat mengesan dakwah yang dilakukan oleh beliau. Penulisan Ramlee ini turut memberi kesan kepada salah seorang lagi peminat Ramlee,

Cream\_Strawberry: Buku dia macam ada aura yang buat kita tertarik. Setiap patah perkataan yang tertulis sangat bermakna dan dalam diam buat kita rasa sungguh hebatnya ciptaan Allah...

Pendekatan yang sangat menarik la...  
([http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page\\_\\_st\\_\\_45](http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page__st__45))

Komen peminat ini menyatakan bahawa pendekatan yang dibawa Ramlee, iaitu pendekatan dakwah beliau dapat mempengaruhi pembaca dalam merasai kehebatan ciptaan Allah. Pendekatan dakwah seperti menyampaikan ilmu dan pengajaran di dalam penceritaan mampu menarik perhatian para peminat. Kata-kata yang disampaikan melalui watak Laksamana Sunan sangat bermakna dan mengesani pembaca-pembaca Ramlee. Sebagai contoh,

ALLAH merentangkan rahmat-NYA di malam hari untuk memberi pengampunan kepada perlakuan dosa-dosa sewaktu siang, merentangkan rahmat-NYA di siang hari untuk memberi pengampunan kepada perlakuan dosa-dosa ketika malam. Sesungguhnya, ALLAH itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang kecuali dosa menyekutukan-NYA, mencari sembah selain ALLAH," bicara Saifudin dengan lancar sekali.

(Ramlee Awang Murshid, 2010: 224)

Kata-kata yang diucapkan oleh Saifudin ini sangat bermakna seperti yang dinyatakan melalui komen peminat Ramlee tersebut. Kata-kata ini melambangkan rahmat Allah melebihi kemurkaan-Nya.

Saudari Muthiah juga memberi komen berkenaan Ramlee yang menyampaikan kebaikan melalui cerita-ceritanya. Perkara ini dapat dilihat di dalam petikan,

Muthiah: Muthiah pun sudah baca buku-buku RAM. Sekarang, dalam proses pengumpulan karya beliau. Sungguh mantap. Beliau menyampaikan kebaikan melalui cerita-ceritanya.

([http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page\\_\\_st\\_\\_45](http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page__st__45))

Menurut komen saudari Muthiah ini, beliau menyatakan bahawa Ramlee menyampaikan kebaikan di dalam cerita-ceritanya. Kebaikan yang dimaksudkan sudah tentu merujuk kepada dakwah yang disampaikan Ramlee menerusi penulisan beliau. Dalam *Cinta Sufi*, dapat dilihat perwatakan Laksamana Sunan yang warak serta mengagungkan kebesaran Allah dengan sentiasa berzikir. Sebagai contoh,

Tiupan angin pergunungan terasa nyaman sekali. Kabus berarak ke arah lautan. Tercetus

perasaan kagum dalam jiwa Saifudin. Maka seperti lazimnya seorang sufi, dia membasahkan lidahnya dengan ucapan zikrullah- memuji ALLAH, Maha Pencipta yang Maha Hebat.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 199)

Berdasarkan petikan, Saifudin memuji Allah tatkala melihat alam ciptaan-Nya. Menerusi perbuatan Saifudin ini dapat dijadikan contoh teladan khususnya kepada para pembaca. Perbuatan Saifudin ini juga adalah satu bentuk dakwah yang disalurkan oleh Ramlee menerusi penceritaan *Cinta Sufi*.

Terdapat juga peminat yang lain yang turut menyatakan perwatakan Ramlee dari kaca mata mereka sendiri,

Whiteraven68: Salam, teringat kata-kata beliau di PWTC, "jika anda mengagumi hasil tulisan saya, Jika anda minat novel saya, kagumilah hasil tulisan itu, bukannya saya, jangan terlalu memuja saya, kerana yang hanya layak dipuja itu hanyalah ALLAH." sorang peminat bertanya, apa bezanya watak laksamana sunan berbanding watak lain yang pernah beliau tulis? apa ilhamnya?" Apabila saya melahirkan watak Laksamana Sunan, ia seperti saya lahirkan watak-watak lain dalam novel saya yang lain, tiada bezanya, di sini kita boleh nampak ALLAH yang memainkan peranan-NYA dalam membuat ramai pembaca terpukau padanya. saya anggap ini rezeki tuhan." + \_ + lebih kurang la apa dia cakap, saya tak ingat sangat penggunaan bahasanya sebab sangat indah. Sungguh tawadhuk orangnya, tidak ingin dikagumi atau dipuji, malah meletakkan penyebab atas larisnya novelnya disebabkan percaturan ALLAH. Saya cuma kongsi dua ini sahaja kerana yang lain saya dengar tak dengar. (jaga booth iluvislam kt tepi tu) ^ \_ ^ Wallahuallah.

([http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page\\_\\_st\\_\\_30](http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page__st__30))

Berdasarkan komen peminat ini, Ramlee dinyatakan sebagai seorang yang merendah diri kerana meletakkan segala yang dikecapi beliau sebagai anugerah Allah. Komen daripada saudari Nor Azzah pula menyatakan keberkesanan penulisan Ramlee. Buktinya,

Nor Azzah: Menarik.. walaupun hanya imaginasi penulis.. namun penekanan tentang hakikat bahawa kita ini hamba-Nya & sentiasa kena meletakkan pergantungan kepada-Nya memang amat berkesan.

(<http://www.goodreads.com/book/show/7926583-cinta-sufi>)



Saudari Nor Azzah mengakui bahawa Ramlee turut menekankan mengenai pergantungan kepada Allah di dalam *Cinta Sufi*. Melihat kepada judul karya Ramlee ini juga sudah dapat memberi gambaran penceritaan kepada khalayak. Ramlee sendiri turut menyatakan tentang istilah cinta sufi ini di dalam karyanya ini. Buktinya,

Sebagai seorang sufi, Saifudin redha dan ikhlas atas segala-galanya. Itu lebih baik untuk merawat jiwa yang berduka. Biar sehebat mana pun resah hati manusianya, dia akan tetap berusaha mengubatinya dengan zikrullah. Cinta sufi adalah cinta abadi. Cinta kepada ALLAH yang pasti tidak akan dikecewakan. Cinta sufi itu adalah merindui syahid kerana syurga itu lebih hebat berbanding dunia ini. Maka, cinta fitrah itu sebagai hiasan hidup yang harus dibatasi. Tergelincir dari fitrah hanya mengundang kemurkaan ALLAH. Itulah yang teramat sangat ditakuti Saifudin.

(Ramlee Awang Murshid 2010: 233-234)

Cinta sufi yang dinyatakan oleh Ramlee di dalam *Cinta Sufi* lebih kepada cinta kepada Tuhan. Maka, seharusnya penceritaan berpusatkan kepada pergantungan kepada Allah. Secara tidak langsung, penulisan Ramlee yang berpusatkan kepada pergantungan kepada Allah berjaya memberi kesan kepada peminat Ramlee ini.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *Cinta Sufi* yang dihasilkan oleh Ramlee Awang Murshid mempunyai unsur-unsur dakwah. Unsur-unsur dakwah disampaikan melalui watak Laksamana Sunan, iaitu salah satu watak sufi yang diwujudkan oleh Ramlee. Kesufiannya mempengaruhi watak-watak lain dalam cerita ini. Watak ini digunakan dalam menyalurkan dakwah kepada para pembaca. Ramlee tidak hanya mengarang tetapi juga turut menjadikan karyanya sebagai wadah dalam menyampaikan ilmu serta amal kepada khalayaknya. Kesan dakwah Ramlee dapat dikesani melalui komen pembaca yang dipaparkan di atas. Ternyata khalayak pembaca terpengaruh dengan dakwah yang disalurkan melalui teks ini dan menganggap Ramlee sebagai seorang penulis yang amat mahir menyampaikan mesej yang positif mengenai agama dan sahsiah kepada mereka. Kesimpulannya Ramlee berjaya menggunakan wadah kepengarangan sebagai salah satu alat untuk berdakwah pada umum.

#### NOTA

- <sup>1</sup> Bertanduk dua merujuk kepada urat-urat di dahi Laksamana Sunan yang membentuk seperti dua tanduk kecil (Ramlee Awang Murshid 2010: 64).
- <sup>2</sup> Laksamana Sunan atau nama sebenarnya Saifudin Jalil (Ramlee Awang Murshid 2010: 554).

#### RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- H. Aboebakar Atjeh. 1977. *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawuf*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hj. Muhammad Ghani Salleh. <http://theyellowsunflower.blogspot.com/2010/06/tentang-ikhlas.html> (29/3/2013)
- <http://www.kelabram.com/2010/03/cinta-sufi.html> (31/3/2013).
- <http://www.kelabram.com/2010/06/ulasan-cinta-sufi-oleh-syamil-samad.html> (31/3/2013).
- <http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid> (31/3/2013).
- [http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page\\_st\\_45](http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid/page_st_45) (31/3/2013).
- <http://komuniti.iluvislam.com/topic/21445-novel-cinta-sufi-ramlee-awang-murshid> (31/3/2013)
- <http://www.goodreads.com/book/show/7926583-cinta-sufi> (31/3/2013)
- Javad Nurbakhsh. 2002. Ciri-ciri khas utama sufisme dalam periode awal Islam. Dlm. Seyyed Hossien Nasr, Annemarie Schimmel, Leonard Lewisohn (eds.). *Warisan Sufi: Sufisme Persia Klasik dari Permulaan hingga Rumi (700-1300)*: 1-29). Yogyakarta: Pustaka Sufi.
- Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo, Mohd Radhi Ibrahim. 2002. *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Ramlee Awang Murshid. 2010. *Cinta Sufi*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.

